

03/11/1997

Pelbagai cara tarik sokongan pengundi

SUNGAI BAKAP, Ahad - Pekerja komponen parti Barisan Nasional (BN) yang terbabit dalam kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (Dun) Sungai Bakap mempunyai pelbagai cara untuk menarik perhatian pengundi kawasan terbabit.

Dengan menggunakan poster lambang dacing, pekerja terbabit menghasilkan sebuah meriam yang mempunyai dua roda di Taman Perumahan Puteri Gunung Sungai Bakap, dekat sini.

Lebih menarik pekerja itu turut mendirikan potret Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pembinaan meriam itu adalah antara kerancangan perang poster yang dijalankan oleh pekerja BN dalam pilihan raya itu.

Beberapa pekerja BN, berkata pembinaan meriam itu melambangkan BN mempunyai kekuatan untuk menembak musuh yang cuba menggugat pengundi kawasan terbabit.

(END)